

# SEMINAR KEBANGSAAN PEMANTAPAN AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKESAN BAHASA MELAYU

Tarikh

16 - 20 September 2012

Tempat

Merdeka Palace, Kuching, Sarawak

## KERTAS KERJA UTAMA PROFESOR DATIN JURIAH LONG AMALAN BERKESAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Anjuran



كوتون  
كنددين بهاس ملايو مليسيا  
Persekitaran Persekitaran Bahasa Melayu Malaysia

Dengan kerjasama



## **Amalan Berkesan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Profesor Datin Juriah Long  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor

### **Abstrak**

Pengajaran bahasa ialah tugas amali yang menggunakan pengetahuan daripada disiplin-disiplin lain, seperti ilmu linguistik, psikologi, sosiologi dan pendidikan untuk menyelesaikan masalah utamanya, iaitu: apa yang hendak diajar dan bagaimana murid dapat belajar bahasa dengan berkesan? Penulisan terdahulu menjelaskan beberapa aliran teori huraian dan pembelajaran bahasa. Oleh itu, guru bahasa perlu berkeupayaan untuk memilih aliran teori huraian dan pembelajaran bahasa yang terkini dan selaras dengan keperluan dan kehendak kurikulum untuk dijadikan panduan dan prinsip amalan pengajaran dan pembelajaran bahasanya. Hasil kajian sarjana tempatan membuktikan terdapat beberapa amalan berkesan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kajian mendapati murid dan guru berpendapat, pendekatan komunikatif berkesan kerana pendekatan ini berpusatkan murid dan murid terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran yang dirancang oleh guru. Hasil kajian juga mendapati wujud pendekatan proses yang berkesan bagi pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Sementara itu, didapati bahawa strategi pembelajaran koperatif STAD yang berpusatkan murid berkesan bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berbanding dengan amalan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru.

### **Pengenalan**

Pengajaran bahasa adalah satu tugas amali yang kompleks, oleh itu untuk menyelesaikan isu-isu dan masalah utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa iaitu; apa yang hendak diajar dan bagaimana pelajar dapat dengan berkesan, seorang guru bahasa perlu menggunakan pengetahuan daripada disiplin-disiplin lain seperti ilmu linguistik, psikologi, sosiologi dan pendidikan. Sejak akhir-akhir ini ilmu linguistik telah berkembang dengan pesat sehingga merangkumi bidang psikologi dan sosiologi. Justeru, pengajaran bahasa mempunyai hubungan yang rapat dengan disiplin-disiplin dalam bidang linguistik khususnya linguistik teoritis, psikolinguistik dan sosiolinguistik.

Kertas kerja ini akan membincangkan asas teoritis serta konsep-konsep asas pengajaran berkesan yang dapat dijadikan prinsip dan panduan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Tumpuan perbincangan adalah terhadap tajuk-tajuk berikut; aliran teori huraian dan pembelajaran bahasa dan implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran, konsep-konsep asas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia dalam Kurikulum Standard, dan hasil kajian sarjana tempatan tentang amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi Bahasa Melayu.

### **Aliran Teori Huraian dan Pembelajaran Bahasa**

Pada abad ke-21 ini, bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, adalah pengantar utama di sekolah dan institusi pengajian tinggi yang mantap dari segi perbendaharaan kata, istilah dan tatabahasanya. Situasi penggunaan bahasa yang sedemikian memerlukan pelajar menguasai bahasa Melayu tinggi yang mempunyai ciri keintelektualan dan kesempurnaan bahasa (Nik Safiah 1986). Justeru, guru Bahasa Melayu perlu didedahkan kepada teori huraian dan pembelajaran bahasa untuk dijadikan prinsip dan panduan amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa di bilik darjah.

## **Aliran Teori Huraian Bahasa**

Guru bahasa perlu menguasai isi kandungan pelajaran yang hendak diajar. Ini bermakna guru bahasa perlu mengetahui sifat-sifat bahasa yang dihuraikan oleh ahli linguistik teoritis. Dalam sejarah perkembangan ilmu linguistik teoritis terdapat beberapa teori bahasa yang dikemukakan. Teori-teori ini berbeza antara satu sama lain kerana ahli bahasa yang menganjurkannya terpengaruh dengan aliran-aliran pemikiran yang berbeza. Antara teori huraian yang mempengaruhi pengajaran bahasa ialah teori ahli linguistik struktural, teori ahli linguistik transformasi-generatif dan teori linguistik fungsian.

Aliran linguistik struktural muncul pada abad ke-20. Ahli linguistik seperti de Saussure, Bloomfield, Otto Jespersen, Harris dan lain-lain menumpukan kajian mereka terhadap huraian struktur bahasa. Mereka berpendapat struktur bahasa merupakan pertalian antara fonem, unit bunyi dengan morfem unit tatabahasa. Tiap-tiap morfem terdiri daripada gabungan fonem dan ayat pula terdiri daripada gabungan morfem. Ahli linguistik struktural juga menganggap bahasa adalah system bunyi pertuturan yang arbitari untuk menyatakan sesuatu objek, keadaan atau konsep dan digunakan dalam perhubungan manusia.

Huraian bahasa ahli struktural adalah berasaskan kajian-kajian yang dibuat secara empiris atau saintifik. Tiap-tiap huraian yang dibuat adalah berdasarkan contoh ujaran yang diambil daripada pemerhatian. Ini bermakna pendekatan yang digunakan oleh ahli bahasa struktural bagi menghuraikan bahasa adalah berbentuk induktif.

Teori linguistik transformasi-generatif dipelopori oleh Noam Chomsky (1957 & 1965). Kajian dibuat berasaskan kenyataan bahawa seseorang penutur natif/jati berkebolehan untuk membentuk dan memahami pertuturan yang belum pernah mereka dengari kerana mereka dilahirkan dengan kecekapan semula jadi untuk berbahasa. Kecekapan ini adalah pengetahuan rumus-rumus bahasa. Kajian bahasa bertujuan untuk membentuk rumus yang lengkap berdasarkan pengetahuan bahasa penutur natif/jati.

Analisis bahasa yang dijalankan oleh ahli linguistik transformasi-generatif bertujuan untuk membentuk rumus bahasa yang lengkap berdasarkan kecekapan bahasa penutur natif/jati. Rumus-rumus tersebut dapat membantu orang lain yang mempelajari bahasa tersebut membentuk ayat dalam bahasa berkenaan. Pendekatan yang digunakan oleh ahli transformasi-generatif bagi menghurai bahasa bersifat deduktif dan kaji diri. Ahli transformasi-generatif memerlukan data bagi mengesahkan huraian bahasanya.

Aliran transformasi-generatif merupakan perkembangan yang terpenting dalam ilmu linguistik teoritis. Aliran ini menganggap penguasaan bahasa memerlukan proses mental. Analisis bahasa dibuat secara rasionalis. Pemusatan kajian bukan semata-mata terhadap struktur permukaan yang nyata tetapi terhadap pengetahuan yang abstrak tentang rumus bahasa yang menyebabkan terhasilnya struktur permukaan tersebut. Walaupun aliran transformasi-generatif tidak menghasilkan kaedah pengajaran bahasa tetapi guru-guru bahasa dan ahli linguistik telah menyedut beberapa anggapan ahli transformasi-generatif yang dapat membantu mereka dalam pengajaran bahasa di dalam bilik darjah.

Teori linguistik fungsian pula berkembang di Britain pada tahun 1960-an dan 70-an. Pelopornya ialah Halliday yang mengkaji bahasa dari sudut di luar sistem bahasa bagi mengetahui mengapa bahasa mempunyai bentuk yang tertentu. Halliday berpendapat bahawa bahasa mempunyai bentuk tertentu bagi menggambarkan fungsi yang perlu dimainkannya dalam sesuatu komunikasi. Jadi, kajian linguistik fungsian bukan sahaja tertumpu kepada unsur-unsur dalam sesuatu struktur bahasa tetapi kajian ini juga memberi tumpuan kepada perubahan yang berlaku kepada struktur bahasa ketika

seseorang penutur melaksanakan fungsi tertentu dalam sesuatu komunikasi. Ciri utama huraian bahasa ahli linguistik fungsian ialah huraian tidak berasaskan ayat pencilan tetapi dalam bentuk analisis teks dan wacana.

Analisis teks memberi tumpuan kepada struktur dan laras bahasa yang terdapat dalam sebuah teks seperti perbualan, laporan, penulisan ilmiah dll. Selain itu, analisis teks juga memberi tumpuan kepada bagaimana perpautan antara struktur ayat dalam sesebuah teks itu terjalin sehingga membezakan teks itu dengan yang lain. Sementara analisis wacana pula memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa dalam sesuatu komunikasi yang memerlukan pelbagai sumber bahasa seperti tatabahasa, semantik, anafora, perpautan ayat (kohesi) bagi membina satu kesatuan dalam sesebuah wacana.

Teori linguistik fungsian telah mempengaruhi anggapan guru dan pengamal bahasa tentang pengajaran bahasa. Mereka berpendapat bahawa penguasaan sistem tatabahasa sahaja tidak dapat menjamin kebolehan pelajar untuk berkomunikasi. Pelajar akan hanya fasih dalam sesuatu bahasa jika mereka berkebolehan untuk menguasai system tatabahasa dan menggunakan sistem tersebut dalam konteks sosial yang mereka hadapi. Oleh itu, pengajaran bahasa perlu memenuhi dia tujuan iaitu;

1. Memberi pengetahuan tentang sistem tatabahasa
2. Memastikan pelajar dapat menggunakan sistem tatabahasa tersebut dalam konteks sosial yang sesuai.

### **Aliran Teori Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa**

Guru bahasa tidak dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan tanpa pengetahuan tentang bagaimana proses pemerolehan atau pembelajaran terjadi. Terdapat beberapa aliran teori pembelajaran bahasa iaitu teori behaviouris, teori kognitif dan konstruktivis.

Dalam bidang psikologi teori behaviouris diutarakan oleh Pavlov, Thorndike, Skinner dan lain-lain, Skinner telah menerapkan teori ini dalam pembelajaran bahasa – pembelajaran bahasa dianggap sebagai proses mekanis (yang melibatkan rangsangan dan gerak balas) bagi membentuk kelaziman bahasa.

Ahli behaviouris menekankan kepentingan pengaruh persekitaran dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Sesuatu ujaran terbentuk kerana adanya rangsangan dalam bentuk bahasa atau bukan bahasa. Seseorang kanak-kanak bertutur kerana adanya rangsangan daripada persekitarannya. Bentuk-bentuk bahasa yang dihasilkan secara betul diteguhkan oleh orang dewasa dalam persekitarannya. Jadi, bentuk-bentuk tersebut diulangi lagi. Pelbagai cara telah digunakan oleh ibu bapa atau penjaga bagi meneguhkan gerak balas yang betul, contohnya memberi senyuman, kata pujian dan lain-lain. Ahli-ahli behaviouris juga berpendapat bahawa proses ulangan memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa. Perkataan-perkataan ataupun bentuk bahasa yang sering diulangi akan cepat dipelajari oleh kanak-kanak.

Teori kognitif dipelopori oleh Piaget, seorang ahli psikologi yang berpendapat bahawa manusia mempunyai peringkat otak dan saraf yang tinggi. Melalui penggunaan otak manusia dapat mempelajari pelbagai pengalaman, salah satu daripadanya ialah bahasa. Proses pembelajaran merupakan proses mental dan bukan mekanis. Pembelajaran bahasa melibatkan seseorang kanak-kanak menyerap, menyesuaikan pengetahuan yang ada dalam otaknya (skema mental) dengan data yang dikumpul daripada persekitarannya.

Menurut Piaget, pemerolehan bahasa dapat diuraikan berdasarkan perkembangan kognitif pusat. Perkembangan bahasa bergantung kepada peringkat perkembangan kognitif dan dianggap bermula pada peringkat sensori-motor. Apabila peringkat kognitif berkembang, kanak-kanak berkemampuan untuk melahirkan bahasa yang lebih kompleks.

Tegasnya, ahli kognitif berpendapat pembelajaran bahasa merupakan proses mental dan perkembangan bahasa mempunyai hubungan yang rapat dengan perkembangan kognitif. Bahasa terbentuk pada peringkat sensori-deria dan seterusnya berkembang selaras dengan perkembangan kognitif seseorang kanak-kanak. Proses perkembangan kognitif merupakan proses sejagat.

Teori interaksi bahasa pula berkembang pada tahun 70-an. Ahli interaksi bahasa Vygotsky (1978) berpendapat bahawa kebolehan kognitif sahaja tidak dapat menghuraikan pemerolehan dan pembelajaran bahasa yang lengkap. Perkembangan kognitif membolehkan kanak-kanak menafsirkan makna tetapi tidak menjamin bahawa penafsiran ini boleh dilahirkan dalam bentuk bahasa. Ahli interaksi bahasa berpendapat bahawa kanak-kanak perlu didedahkan kepada interaksi bahasa supaya mereka boleh mempelajari cara-cara menggambarkan makna kognitif dalam bentuk bahasa. Pendapat ahli interaksi telah disokong dengan bukti-bukti daripada data pemerolehan bahasa kanak-kanak.

Teori pembelajaran konstruktivisme telah berkembang pada akhir abad ke-20. Pembelajaran secara konstruktivisme berdasarkan andaian bahawa pembelajaran adalah hasil binaan mental. Kanak-kanak belajar dengan cara menyesuaikan maklumat baru dengan perkara yang telah mereka ketahui. Ahli konstruktivisme berpendapat pengetahuan tidak dapat dipindahkan daripada seseorang kepada orang lain, tetapi dapat dibina oleh setiap orang (McBrien & Brant 1997). Teori konstruktivisme adalah berdasarkan dua prinsip, iaitu:

1. Pengetahuan dibina secara aktif oleh murid, bukan diterima secara pasif daripada persekitaran
2. Perasaan ingin tahu adalah proses adaptasi yang selari dengan pengubahsuaian pengalaman kanak-kanak daripada realiti.

Pada asasnya terdapat dua aliran konstruktivisme, iaitu teori konstruktivisme yang berorientasikan teori kognitif Piaget dan teori konstruktivisme yang berorientasikan teori interaksi Vygotsky.

Konstruktivisme yang berasaskan kognitif menekankan perkembangan psikologi murid. Pandangan ini melihat pengetahuan sebagai sesuatu yang simbolik, iaitu representasi mental dalam pemikiran individu. Pembelajaran adalah hasil binaan mental. Terdapat beberapa tahap dalam perkembangan pemikiran. Pemahaman dan pembelajaran dibina tahap demi tahap, melalui penyertaan aktif murid itu sendiri (Briner 1999). Penekanan diberi terhadap penerokaan dan penemuan sebagai satu proses pembelajaran. Murid belajar menyesuaikan maklumat baru dengan pengetahuan sedia ada pada mereka.

Aliran konstruktivisme yang berasaskan interaksi sosial menekankan bahawa perasaan ingin tahu merupakan proses adaptasi yang selari dengan pengubahsuaian pengalaman murid dengan realiti (Jaworski 1996). Pembelajaran adalah hasil konteks, proses idea yang dipelajari selari dengan pengetahuan, kepercayaan dan sikap murid. Mereka mempelajari idea mereka melalui cara membuat generalisasi, mencari penyelesaian dan membuat hipotesis. Penekanan diberi kepada usaha kolaboratif murid secara kumpulan sebagai sumber pembelajaran.

Tegasnya, teori konstruktivisme memberi penekanan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid. Konstruktivisme mengambil kira model pemikiran dan cara pembelajaran murid. Peranan dan inisiatif murid diterima dan digalakkan untuk membina arah dan tujuan pembelajaran mereka sendiri.

### **Konsep-konsep Asas dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa**

Prinsip pertama yang perlu dimiliki oleh guru bahasa ialah pengetahuan tentang aspek-aspek bahasa yang hendak diajarkan kepada murid-muridnya. Kedua, guru bahasa juga perlu berkebolehan untuk memilih prosedur mengajar yang berkesan bagi membimbing murid tentang kandungan bahasa yang diajarkannya. Justeru, untuk memastikan amalan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan selaras dengan perkembangan pendidikan semasa serta objektif pengajaran, guru perlu memahami konsep-konsep asas pengajaran dan pembelajaran bahasa iaitu pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Perkaedahan pengajaran yang digunakan oleh guru bahasa tidak dibentuk secara sewenang-wenangnya tetapi berasaskan teori dan prinsip pegangan guru tentang apa itu bahasa dan bagaimana murid belajar bahasa, yang diperolehi daripada bidang linguistik dan psikologi.

Konsep pendekatan ditakrifkan sebagai prinsip atau pegangan teori bahasa dan psikologi yang menjadi panduan kepada guru dalam pengajaran (Bell 1981). Kaedah pula ditakrifkan sebagai prosedur pengajaran yang dibentuk berasaskan teori bahasa dan psikologi. Teknik pula bermaksud tatacara pengajaran yang disarankan oleh sesuatu kaedah. Strategi pengajaran bermaksud prosedur pengajaran yang dipilih oleh guru bagi menyampaikan isi pengajaran yang disesuaikan dengan kebolehan murid bagi mencapai objektif sesuatu pengajaran. Sementara itu, aktiviti pengajaran pula ialah gerak kerja atau tugas yang dirancang untuk dilaksanakan oleh guru dan murid dalam sesuatu pelajaran bagi mencapai objektif pengajaran/pembelajarannya.

### **Pendekatan Pengajaran Bahasa Melayu**

Pengajaran bahasa adalah satu tugas amali. Allen dan Corder (1974) berpendapat bahawa guru bahasa yang baik tidak melaksanakan tugasnya mengikut peraturan atau resepi orang lain. Guru tersebut menggunakan asas teori yang menjadi prinsip atau panduan bagi melaksanakan tugasnya. Cara pertama tidak semestinya menjamin sesuatu tugas amali sebab peraturan yang diberi mungkin tidak dapat dilaksanakan seperti dalam situasi asalnya. Justeru asas teoritis yang mantap tentang apa yang hendak diajar dan bagaimana murid dapat belajar menentukan orientasi atau pendekatan pengajaran guru. Dalam pengajaran bahasa Melayu, Abbas Mohd Shariff (2006) dan Juriah Long (2010) mengenal pasti beberapa pendekatan pengajaran yang sering digunakan iaitu pendekatan deduktif, induktif, eklektik, komunikatif dan pendekatan proses.

Pendekatan deduktif mengutamakan penguasaan peraturan atau rumus bahasa daripada penggunaan bahasa. Pendekatan induktif atau pendekatan jumpaan pula mengutamakan penggunaan bahasa daripada rumus bahasa. Sementara pendekatan eklektik pula menggabungkan pendekatan deduktif dan induktif bagi menghasilkan satu strategi pengajaran.

Pendekatan komunikatif mengutamakan kecekapan komunikatif atau kecekapan berbahasa meliputi kecekapan bahasa dan kecekapan menggunakan bahasa dalam sesuatu konteks penggunaan bahasa. Pengajaran bahasa merangkumi dua langkah iaitu:

1. Latihan penguasaan struktur bahasa yang tepat dan sesuai dengan sesuatu konteks penggunaannya.
2. Penglibatan murid dalam aktiviti penggunaan bahasa (aktiviti berkomunikasi) yang dirancang oleh guru bagi membolehkan murid menggunakan struktur yang dipilih dalam konteks penggunaannya.

Abas Abdul Shariff (2006) berpendapat bahawa pendekatan proses mengutamakan proses murid belajar untuk mendapat pengetahuan dan maklumat tentang isu-isu pembelajaran bahasa daripada isi bahasa. Murid bekerjasama dengan rakan sekumpulan menggunakan pelbagai cara untuk mencari maklumat daripada pelbagai bahan rujukan dan internet bagi menyelesaikan pelbagai masalah pembelajaran yang dirancang oleh guru. Pendekatan ini adalah selaras dengan teori konstruktivisme yang melibatkan murid menggunakan proses mental dan interaksi dengan persekitaran.

### **Perkaedahan Pengajaran Bahasa Melayu**

Berasaskan orientasi linguistik dan psikologi yang dibincangkan di atas, beberapa kaedah atau prosedur pengajaran bahasa telah dihasilkan. Antaranya kaedah terus, kaedah audio-lingual, kaedah eklektik dan kaedah komunikatif.

Kaedah terus digunakan bagi mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan bahasa asing. Kaedah ini menekankan pengajaran bahasa Melayu dilaksanakan melalui penggunaan bahasa itu yang diajar semata-mata. Terjemahan ke dalam bahasa ibunda murid tidak digunakan. Kaedah ini beranggapan bahawa murid dapat mempelajari bahasa dengan cara mendengar pelbagai perbualan dalam bahasa sasaran dan kemudian melibatkan diri dalam perbualan tersebut. Penganjur kaedah ini, berpendapat pembelajaran bahasa kedua adalah selari dengan cara kanak-kanak memperoleh bahasa ibunda. Mereka juga berpendapat kanak-kanak belajar bahasa ibunda dengan cara mendengar, meniru serta mengulangi perlakuan bahasa yang mereka dengari sehingga membentuk satu kelaziman bahasa. Tatabahasa tidak diajar secara formal. Sebaliknya tatabahasa diajar melalui tunjuk cara dan contoh yang diberi. Kaedah pengajaran ini mengutamakan kemahiran lisan.

Kaedah audio-lingual pula berasaskan prinsip kaedah terus dengan pembaharuan dari segi teknik, bahan dan teknologi. Alat mengajar seperti pita rakaman digunakan dan alat ini diletakkan di makmal bahasa supaya murid menjalankan latihan bahasa secara intensif. Kaedah ini juga mengutamakan pengajaran lisan dan penulisan dan beranggapan bahawa pengajaran bahasa adalah proses untuk membentuk kelaziman bahasa murid. Seperti kaedah terus, kaedah audio-lingual lebih mementingkan penggunaan bahasa daripada huraian bahasa. Bahan bahasa yang diperdengarkan adalah contoh bahasa yang dipertuturkan oleh penutur jati bahasa. Unsur-unsur bahasa yang dipelajari yang berbeza dengan bahasa ibunda murid dilatih tubi secara intensif. Terjemahan digunakan bagi membolehkan murid memahami perbezaan penggunaan unsur-unsur bahasa. Ciri terjemahan ini membezakannya dengan kaedah terus. Berdasarkan ciri-ciri pengajaran di atas kaedah audio-lingual seperti kaedah terus adalah berlandaskan teori bahasa struktural dan teori pembelajaran bahasa behaviouris.

Kaedah komunikatif terbentuk berlandaskan teori huraian bahasa fungsian dan teori kecekapan komunikatif (Hymes 1971). Teori pembelajarannya adalah berlandaskan teori interaksi. Penganjur kaedah ini berpegang kepada beberapa prinsip pengajaran bahasa. Pertama, pengajaran bahasa mestilah berpandukan proses pemerolehan bahasa kanak-kanak. Oleh sebab proses pemerolehan bahasa kanak-kanak melibatkan proses kognitif dan proses interaksi bahasa, maka pengajaran bahasa mestilah merangkumi pengajaran kecekapan bahasa (tatabahasa) serta kecekapan komunikatif

atau kecekapan berbahasa yang melibatkan ketepatan penggunaan bahasa mengikut konteks penggunaannya.

Kedua, struktur bahasa dapat dikuasai oleh murid secara berkesan sekiranya mereka memberi perhatian terhadap makna. Dalam proses pemerolehan bahasa, kanak-kanak menguasai makna terlebih dahulu dan kemudian baharulah mereka dapat menggambarkan makna tersebut dalam struktur ayat tertentu. Oleh itu, dalam pengajaran bahasa, murid perlu melibatkan diri dalam aktiviti bahasa yang bermakna.

Ketiga, proses berkomunikasi melalui penggunaan bahasa secara berkesan (sama ada secara lisan atau tulisan) tidak dihasilkan secara pencilan tetapi dalam satu teks atau wacana. Jadi, pengajaran bahasa melalui kaedah ini mementingkan huraian unsur-unsur bahasa dalam teks dan wacana bukan secara ayat pencilan.

Keempat, penggunaan bahasa sama pentingnya dengan pengetahuan tentang bentuk bahasa. Kaedah ini beranggapan bahawa selain daripada pengetahuan tentang bahasa, murid juga perlu tahu menggunakan unsur-unsur tatabahasa dalam konteks pewujudan unsur tersebut. Jadi, pengajaran bahasa tidak boleh tertumpu semata-mata kepada aktiviti latih tubi unsur bahasa tetapi pengajaran juga perlu memasukkan aktiviti penggunaan unsur-unsur tatabahasa dalam konteks.

Prinsip kelima, pula berbunyi 'kesilapan bahasa selalunya bukanlah kesalahan bahasa'. Dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak, kesilapan adalah satu ciri lumrah. Keadaan ini berlaku kerana kanak-kanak belajar bahasa melalui percubaan hipotesis terhadap bahasa yang mereka gunakan. Keadaan yang sama juga berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi peluang kepada murid untuk cuba menggunakan bahasa dalam konteks tertentu. Dalam percubaan ini, tidak mungkin semua murid dapat menggunakan bahasa dengan fasih dan tepat. Justeru, guru perlu memastikan isi pengajaran dan aktiviti bahasa sesuai dengan pengetahuan bahasa murid.

Tegasnya, kaedah komunikatif bukan sahaja membolehkan murid menguasai kecekapan bahasa (tatabahasa), tetapi kaedah ini juga bertujuan untuk membolehkan murid menguasai kecekapan menggunakan unsur-unsur bahasa yang dipelajari dalam konteks penggunaan yang sebenarnya.

### **Teknik Pengajaran Bahasa Melayu**

Setiap kaedah yang dibincangkan memerlukan guru melaksanakan langkah-langkah yang tertentu bagi menyampaikan pengajarannya. Ciri khusus yang ada pada sesuatu prosedur pengajaran seperti langkah pengajaran yang dilaksanakan, cara penyampaian bahan dan alat bantu mengajar, digelar teknik pengajaran. Walaupun setiap pendekatan dan kaedah mempunyai teknik pengajaran yang tertentu tetapi dalam sesuatu pengajaran bahasa, guru sering menggabungkan beberapa teknik pengajaran bagi menghasilkan satu strategi pengajaran bahasa yang sesuai dengan pengetahuan murid dan objektif pengajaran guru. Antara teknik pengajaran Bahasa Melayu adalah teknik syarahan, teknik soal jawab, teknik latih tubi, perbincangan, sumbang saran, main peranan dan simulasi, lakonan/drama, teknik permainan dan penyelesaian masalah (Juriah et al. 1990).

### **Strategi dan Aktiviti Pengajaran Bahasa Melayu**

Mengikut Burden & Byrd (2003) strategi pengajaran adalah cara bagaimana isi pengajaran disampaikan oleh guru kepada muridnya bagi mencapai objektif pengajaran. Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan



pembelajaran boleh berpusatkan guru atau berpusatkan murid. Dalam strategi pengajaran berpusatkan guru, peranan guru lebih eksplisit. Guru merancang dan menyampaikan pelajaran kepada murid. Guru juga mengarah dan mengawal murid dalam aktiviti pembelajaran yang dirancang dalam pengajarannya.

Sebaliknya, dalam strategi pengajaran berpusatkan murid, guru merancang persekitaran pembelajaran yang dapat mendorong murid berfikir serta melibatkan diri secara aktif bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran yang dirancang oleh guru dalam pengajarannya. Dalam strategi pengajaran berpusatkan murid, peranan guru sebagai pengajar kurang eksplisit. Dalam pengajaran, guru berperanan sebagai perancang aktiviti pembelajaran, pembimbing dan pemudah cara. Murid diberi kebebasan untuk berbincang secara interaktif dengan murid lain dalam kumpulan kecil bagi mengeluarkan idea dan pendapat mereka tentang isi pelajaran.

Richards (1994) telah menjelaskan bahawa aktiviti adalah gerak kerja atau tugas-tugas yang dipilih dan dirancang untuk dilaksanakan oleh guru dan murid dalam sesuatu pelajaran bagi mencapai objektif pengajaran atau pembelajaran. Dalam perancangan persediaan mengajar, guru perlu bermula dengan memikirkan objektif pelajaran dan selanjutnya memilih aktiviti atau gerak kerja yang dapat membantu mencapai objektif pengajarannya. Pemilihan aktiviti/gerak kerja pengajaran di bilik darjah bergantung kepada pendekatan pengajaran bahasa guru serta kaedah pengajaran manakah yang dianggap paling berkesan untuk membantu murid dalam proses pembelajaran. Sebagai contoh, dalam pengajaran kemahiran menulis melalui pendekatan proses, aktiviti yang perlu dilaksanakan merangkumi aktiviti prapenulisan, aktiviti menulis draf dan aktiviti menyemak dan menyunting draf penulisan. Setiap peringkat dalam pendekatan proses pula mempunyai aktiviti lain bagi mengasah subkemahiran menulis. Pada peringkat prapenulisan, murid terlibat dalam penghasilan idea secara individu dan kumpulan. Oleh itu, beberapa aktiviti pembelajaran dapat dilaksanakan bagi memandu dan mendorong murid memilih dan mengungkapkan idea tentang sesuatu tajuk.

Tegasnya, dalam pengajaran bahasa terdapat pelbagai jenis aktiviti, khususnya aktiviti yang berpusatkan guru seperti membaca beramai-ramai, penerangan guru, soal jawab, demonstrasi, latih tubi, hafalan, latihan, ulasan, latihan berpandu dan lain-lain. Sementara aktiviti berpusatkan murid termasuklah aktiviti kerja projek, penyelesaian masalah, perbincangan kumpulan kecil, perbincangan panel, main peranan, simulasi, permainan bahasa dan lain-lain. Dalam aktiviti berpusatkan murid, murid terlibat secara aktif dalam membincangkan isi pelajaran. Di samping itu, aktiviti berpusatkan murid juga dapat memperkembangkan kemahiran interpersonal dan semangat bekerjasama. Justeru, untuk memastikan guru dapat memilih aktiviti pembelajaran yang berkesan bagi mencapai objektif pelajarannya, guru perlu mempunyai asas teoritis yang mantap untuk dijadikan panduan mengajar di dalam bilik darjah.

### **Matlamat Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kurikulum Standard**

Kurikulum sekolah adalah dokumen yang dikeluarkan oleh Kementerian bagi menyatakan matlamat, objektif dan kandungan mata pelajaran sekolah yang perlu diajar kepada murid dalam jangka masa tertentu. Selaras dengan perkembangan semasa dalam bidang pendidikan dalam era globalisasi, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyemak dan menambahbaikkan kurikulum sekolah termasuklah kurikulum Bahasa Melayu.

Kurikulum Standard Bahasa Malaysia Sekolah Rendah mengandungi dua set kurikulum untuk pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama di Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) dan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK). Kurikulum Standard ini mula dilaksanakan pada tahun 2010

ini digubal berasaskan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum Standard ini mengutamakan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara dan bahasa ilmu.

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah ini menyatakan matlamat objektif, standard kandungan dan standard pembelajaran yang merangkumi pengetahuan kemahiran yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid di SRK dan SRJK. Pada umumnya matlamat Kurikulum Standard Bahasa Malaysia Sekolah Rendah adalah; membolehkan murid menguasai keterampilan berbahasa Melayu untuk berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai serta hubungan sosial dalam kehidupan harian (Kementerian Pelajaran Malaysia 2011: 3).

Penggubalan Standard Kurikulum ini adalah berasaskan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah yang menekankan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran yang menyeronokkan bagi memandu murid menggunakan bahasa Melayu untuk menerokai pelbagai bidang ilmu serta berkomunikasi dan berinteraksi dengan berkesan dalam pelbagai konteks penggunaan bahasa.

Dalam amalan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah guru perlu mengambil kira pendekatan yang digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama di Sekolah Rendah Kebangsaan dan bahasa kedua di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan serta memberi perhatian perbezaan murid dari segi minat dan kecerdasan mereka. Oleh itu, sebelum mengajar guru perlu berkemahiran untuk memahami dan mentafsir keperluan dan kehendak Kurikulum Standard dalam perancangan pengajarnya.

### **Hasil Kajian Amalan Berkesan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu**

Kementerian Pelajaran Malaysia (2002; 2011) telah menjelaskan bahawa dalam pendidikan Bahasa Melayu guru digalakkan menggunakan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang seduai dengan kebolehan murid. Sementara itu, keberkesanan sesuatu pengajaran pula bergantung kepada pengelolaan teknik dan penggunaan bahan bantu mengajar dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi dan berinteraksi. Tegasnya, pengajaran yang berkesan melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran yang dirancang oleh guru.

Pengajaran berkesan adalah strategi mengajar yang berhubung kait dengan pendekatan pengajaran yang mantap dan terbukti melalui penyelidikan bahawa amalan pengajaran tersebut berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Papandreau (2002) mendefinisikan pengajaran berkesan sebagai pelaksanaan teknik pengajaran yang dapat membantu guru mencapai hasil pembelajaran yang maksimum dalam jangka masa yang minimum. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia, beberapa kajian telah dijalankan oleh sarjana tempatan tentang amalan berkesan pengajaran dan pembelajaran aspek-aspek Bahasa Malaysia.

### **Kesan Pendekatan Komunikatif bagi Pengajaran Bahasa Malaysia**

Kajian Sri Lanang (1996) berbentuk deskriptif kuantitatif dan dijalankan melalui kaedah tinjauan dan temu bual. Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana 115 orang guru terlatih di 21 buah sekolah rendah mengamalkan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Malaysia mereka. Aspek-aspek pendekatan komunikatif yang dikaji

adalah sikap guru terhadap ciri dan prinsip komunikatif, kefahaman mereka terhadap konsep komunikatif, pelaksanaan ciri dan prinsip komunikatif dan masalah pelaksanaan pendekatan komunikatif.

Hasil kajian menunjukkan guru mempunyai sikap yang positif terhadap ciri dan prinsip komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia. Guru juga mengaku dalam temu bual dan soal selidik yang ciri dan prinsip komunikatif dijadikan asas pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia mereka. Oleh itu, guru memperbanyakkan aktiviti komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran bahasa juga dijalankan melalui strategi penggabungan dan penyerapan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih berpusatkan murid. Guru menggalakkan murid terlibat dalam aktiviti bahasa dalam konteks penggunaan bahasa dalam situasi sebenar.

Namun, hasil temu bual menunjukkan bahawa di sesetengah sekolah, khususnya di kebanyakan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang mengutamakan pengajaran untuk peperiksaan, guru tidak bersikap kreatif dan inovatif terhadap pengajaran bahasa. Pengajaran lebih mengutamakan penguasaan unsur bahasa yang meliputi penguasaan struktur bahasa daripada penggunaan bahasa dalam konteks.

Hasil kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai kefahaman yang sederhana terhadap konsep pengajaran dan pembelajaran pendekatan komunikatif. Namun, 72.2% daripada guru yang dikaji setuju mereka diberi pendedahan kepada pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran bahasa berasaskan pendekatan ini.

Kajian juga mendapati bahawa 83.4% daripada guru yang dikaji bersetuju bahawa pendekatan komunikatif dapat menghasilkan kesan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran kerana pendekatan ini dapat melibatkan interaksi antara guru dengan murid serta antara murid dengan murid lain. Pendekatan ini juga dianggap dapat meningkatkan daya fikir dan kreativiti murid serta keupayaan berbahasa mereka. Di samping itu, pendekatan dapat meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Walaupun guru sedar tentang kesan positif pendekatan ini terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, kajian menunjukkan dari segi pelaksanaan aktiviti komunikatif di dalam kelas adalah pada tahap sederhana. Guru-guru yang dikaji kurang melaksanakan aktiviti komunikatif di dalam kelas, walaupun mereka mempunyai sikap yang positif terhadap pendekatan tersebut. Guru-guru sekolah rendah yang dikaji telah mengenal pasti masalah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia melalui pendekatan ini iaitu; masalah murid yang ramai dalam bilik darjah yang menimbulkan masalah kawalan kelas dalam aktiviti komunikatif, sekolah dan masyarakat setempat mementingkan keperluan peperiksaan daripada proses pembelajaran. Guru mendapati modul dan bahan pengajaran Bahasa Malaysia berasaskan pendekatan komunikatif amat kurang dan guru juga kurang bimbingan bagi melaksanakan pendekatan ini dalam kelas.

Hussin (1999) pula mengkaji persepsi 120 orang murid sekolah menengah di Batu Pahat, Johor terhadap penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Malaysia. Kajian berbentuk deskriptif dan kuantitatif ini dijalankan melalui kaedah tinjauan. Kajian mendapati murid-murid bersetuju bahawa guru mereka menggunakan prinsip dan ciri-ciri pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Malaysia. Pengajaran guru lebih mengutamakan kecekapan menggunakan bahasa dalam konteks penggunaan daripada penggunaan unsur-unsur tatabahasa. Dalam pengajaran bahasa guru menggunakan bahan pengajaran sebenar seperti petikan akhbar, iklan, dialog dan lakonan.

Dalam setiap pengajaran bahasa guru banyak menggunakan aktiviti lisan yang dilaksanakan secara pasangan ataupun kumpulan kecil (min 3.99). Antara aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu yang kerap digunakan oleh guru dalam pembelajaran Bahasa Melayu termasuklah aktiviti kerja kumpulan kecil (min 4.13), aktiviti perbincangan (min 3.90), kerja projek (3.78), penyelesaian masalah (min 3.60), aktiviti soal jawab (min 3.58), main peranan (min 3.53) dan aktiviti memproses maklumat (min 3.50). Sementara itu, aktiviti pembelajaran komunikatif yang sederhana kerap dilaksanakan termasuklah aktiviti permainan bahasa, sumbang saran, simulasi dan pembelajaran secara inkuiri/penemuan. Aktiviti kuliah dan drama pula tidak kerap dilaksanakan.

Murid yang dikaji bersetuju bahawa aktiviti komunikatif yang dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran bahasa berkesan, kerana aktiviti ini dapat meningkatkan keupayaan berbahasa mereka dalam aktiviti lisan dan bertulis melalui cara berkomunikasi (min 4.11). Murid dapat melibatkan diri secara aktif melalui interaksi dengan rakan-rakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (min 4.04). Aktiviti kumpulan kecil yang dilaksanakan bukan sahaja dapat meningkatkan keyakinan murid menggunakan Bahasa Melayu, tetapi aktiviti ini juga dapat meningkatkan daya berfikir serta kreativiti murid dalam penggunaan bahasa (min 3.99), aktiviti interaktif yang dilaksanakan oleh guru juga dapat meningkatkan motivasi dan minat murid terhadap pelajaran yang diajar oleh guru (min 3.60).

Tegasnya, kajian ini menunjukkan bahawa murid-murid berpendapat bahawa penggunaan pendekatan komunikatif amat berkesan dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Melalui aktiviti bahasa yang dirancang dalam pendekatan ini murid dapat membentuk keyakinan diri untuk berinteraksi serta melengkapkan diri dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam kehidupan seharian, pendidikan dan bidang pekerjaan pada masa akan datang.

### **Kesan Pendekatan Proses Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Murid**

Dayangku Hj Jauyah Pengiran Damit (1996), Yahya Othman (1997) dan Mazlan Ismail (2004) telah menjalankan kajian berbentuk kuasi-eksperimen untuk membandingkan kesan pendekatan proses dengan pendekatan hasilan/tradisional terhadap pencapaian penulisan karangan murid.

Dalam ketiga-tiga kajian tersebut pendekatan proses dihurai sebagai pendekatan yang mementingkan proses menulis iaitu; prapenulisan, menulis dan menyemak draf. Murid terlibat secara aktif dalam kumpulan kecil bagi menjayakan ketiga-tiga proses ini. Sementara dalam pendekatan hasilan/tradisional guru memberi tajuk karangan dan membincangkan isi penting dengan murid dan murid kemudian menulis karangan.

Kajian Dayangku Hj Jauyah Pengiran Damit (1996) dijalankan di Sekolah Menengah di Brunei Darussalam. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang pelajar Tingkatan 4. Hasil kajian mendapati pendekatan proses lebih berkesan untuk pencapaian penulisan karangan jenis fakta dari segi pemilihan isi, membina kohesi ayat dan koherens/kesepaduan karangan, memilih kosa kata dan struktur ayat yang tepat dan sesuai dengan karangan jenis fakta berbanding dengan pencapaian murid-murid yang diajar melalui pendekatan hasilan/tradisional.

Kajian Yahya Othman (1997) dijalankan untuk melihat perbezaan pencapaian murid Tingkatan 1 di Sekolah Menengah Kebangsaan yang diajar menulis karangan berbentuk imaginatif melalui pendekatan proses dan hasilan. Kajian itu bertujuan untuk melihat kesan kedua-dua pendekatan ini terhadap markat pencapaian serta aspek kandungan cerita, organisasi karangan dan penguasaan bahasa dalam karangan. Hasil kajian

menunjukkan murid yang diajar melalui pendekatan proses berjaya memperoleh pencapaian yang lebih baik berbanding dengan murid yang diajar melalui pendekatan hasilan. Murid kumpulan pendekatan proses juga menunjukkan penguasaan yang lebih baik dalam aspek penceritaan, mengorganisasikan karangan dari segi kohesi dan koheren serta penguasaan bahasa yang lebih mantap.

Kajian Mazlan Ismail (2004) dijalankan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Sunagi Way, Petaaling Jaya. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang murid. Kajian berbentuk kuasi eksperimen ini juga bertujuan untuk melihat kesan pendekatan proses dan hasilan terhadap markat pencapaian penulisan karangan bentuk imaginatif. Hasil kajian juga mendapati pendekatan proses lebih berkesan terhadap markat pencapaian murid SRJK (C) berbanding dengan pendekatan hasilan.

Tegasnya, ketiga-tiga kajian di atas menunjukkan keberkesanan pendekatan proses dalam pengajaran penulisan karangan. Murid yang diajar melalui pendekatan ini terlibat secara aktif dalam proses penulisan karangan dan markat pencapaian mereka lebih baik daripada pencapaian murid pendekatan hasilan.

### **Kesan Strategi Koperatif Stad Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu**

Kajian kuasi-eksperimen Iskandar Shah Minhad (2003) bertujuan untuk mengkaji keberkesanan strategi koperatif STAD bagi pengajaran dan pembelajaran komponen Sastera Bahasa Melayu murid-murid Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Tuah Melaka. Kajian menggunakan Model Strategi Koperatif STAD Roger, Olsen dan Kagan (1992) yang merangkumi lima langkah iaitu pengajaran oleh guru dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik, perbincangan isi pengajaran oleh murid dalam kumpulan kecil, menjawab soalan kuiz secara individu, merekodkan skor pencapaian individu dan pengiktirafan pencapaian kumpulan terbaik dengan memberi ganjaran.

Noor Azizah Md Salleh (1997) menjelaskan bahawa pembelajaran koperatif mempunyai beberapa ciri iaitu persandaran koperatif antara ahli kumpulan, interaksi bersemuka antara ahli kumpulan, tanggungjawab individu untuk melaksanakan tugas bagi menjayakan kumpulan, kemahiran berinteraksi dengan penilaian proses/refleksi oleh ahli kumpulan.

Hasil kajian Iskandar Shah Minhad (2005) mendapati strategi Koperatif STAD berkesan bagi meningkatkan markat pencapaian Komponen Sastera Bahasa Melayu murid berbanding dengan strategi tradisional.

### **Kesimpulan**

Pengajaran bahasa adalah tugas amali yang menggunakan pengetahuan daripada disiplin lain seperti ilmu linguistik, psikologi, sosiologi dan pendidikan bagi menyelesaikan masalah apa yang hendak diajar dan bagaimana murid dapat belajar bahasa dengan berkesan. Penulisan terdahulu juga menjelaskan bahawa terdapat beberapa aliran teori huraian dan pembelajaran bahasa. Oleh itu, guru bahasa perlu berkebolehan untuk memilih aliran teori huraian dan pembelajaran bahasa terkini yang selaras dengan keperluan dan matlamat pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum untuk dijadikan prinsip dan panduan pengajaran bahasanya.

Hasil kajian oleh sarjana tempatan pula membuktikan beberapa amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia. Hasil kajian menunjukkan murid dan guru mendapati pendekatan komunikatif berpusatkan murid dan

melalui pendekatan ini terlibat dalam aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan yang dirancang oleh guru.

Hasil kajian juga mendapati pendekatan proses berkesan terhadap penulisan karangan murid. Melalui pendekatan ini murid terlibat secara aktif dalam proses penulisan karangan. Karangan murid yang terhasil melalui pendekatan pengajaran ini mantap dan baik dari segi pemilihan isi, organisasi karangan dan pemilihan kosa kata dan struktur ayat yang tepat dan sesuai dengan tajuk karangan.

Dapatan kajian terdahulu juga menunjukkan strategi pembelajaran koperatif STAD berkesan bagi pengajaran dan pembelajaran komponen Sastera dalam Bahasa Melayu. Tegasnya, hasil kajian terdahulu membuktikan amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berpusatkan pelajar lebih berkesan berbanding dengan amalan pengajaran yang berpusatkan guru

### Rujukan

- Abbas Mohd Sharif. 2006. *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Singapura: Alfa Media.
- Allen, J.P.B. & S. Pit Corder. 1974. *Technique in Applied Linguistic*. London: Oxford University Press..
- Bell, R.T. *An Introduction to Applied Linguistic: Approach and Method in Language Teaching*. London: Batsford Academic and Educational Ltd.
- Briner, M. 1999. Constructivisme, [http://carbon.cudenver.edu/\\_mryder/itcdata/construction.html](http://carbon.cudenver.edu/_mryder/itcdata/construction.html).
- Burden, P. R. & Byrd, D. M. 2003. *Methods for Effective Teaching*. Boston: Allyn and Bacon.
- Chomsky, N. 1957. *Syntactic Structures*. The Hague: Mouton and Company.
- Chomsky, N. 1965. *Aspects of the Theory of Syntax*. Massachusetts: The M.I.T. Press.
- Dayangku Hj Jauyah Pengiran Damit. 1996. Kesan Dua Pendekatan Pengajaran Menulis Terhadap Markat Pencapaian Penulisan Karangan Pelajar Menengah Empat di Negara Brunei Darussalam. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Halliday, M.A.K. 1975. *Learning to Mean: Explorations in the Development of Language*. London: Edward Arnolds.
- Hymes, D.H. 1971. *On Communicative Competence*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Hussain bin Shariff. 1999. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Iskandar Shah bin Minhad. 2003. Kesan Dua Strategi Pengajaran Terhadap Pembelajaran Komponen Sastera di Sekolah Menengah Kebangsaan di Melaka. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Jaworski, B. 1996. Constivism and Teaching – The Social-cultural Context. <http://www.groutdemon.co.uk/Barbar/chreods.htm> (3 Januari 2003).
- Juriah Long, Raminah Hj Sabran & Sofiah Hamid. 1990. *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Juriah Long. 2010. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 2*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Mazlan Ismail. 2004. Kesan Dua Pendekatan Mengajar Karangan Bentuk Imajinatif terhadap Pencapaian Murid-Murid Darjah Enam di SRJKC Sungai Way. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mc Brien, J.L. & Brandt, R.S. 1977. *The Language of Learning: A guide to Education Terms*. Alexandria, A.: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Nik Safiah Karim. 1986. *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Nor Azizah Mohd Salleh. 1997. *Pembelajaran Kooperatif: Apa, Mengapa dan Bagaimana?* Siber Didik, Ogos, hal 6 – 7.
- Papandrea, A. 2002. *Effective Teaching*. Lefkossia. Eyprus Institute of Education.
- Roger, E., Olsen, W.B. & Kagan, S. 1992. About Cooperative. Dlm, Kessler, C. (pnyt). *Cooperative Language Learning: A Teachers Resource Book*. Englewood Cliffs New Jersey: Prentice Hall.
- Sri Lanang Jaya bin Hj Rohani. 1996. Orientasi Komunikatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan.
- Vygotsky, L. 1978. Interaction between Learning and Development. In *Minds in Society*, hal. 79 – 91, edited by Trans, M.C. Cambridge, M.A.: Harvard University Press.
- Yahaya Othman. 1997. Kesan Dua Pendekatan Mengajar Karangan Terhadap Markat Pencapaian Karangan Bentuk Imajinatif Pelajar-pelajar Tingkatan 1. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UKM.